

11/10/1997

Keanggotaan KKbK perlu lebih ketat

Imlan Adabi

TULISAN Salbiah Ani (Berita Harian, 6 Oktober) dan Rahman Shaari (Berita Harian, 8 Oktober) mengenai isu bayaran kegiatan sastera perlu diberi reaksi.

Setidak-tidaknya mereka boleh dianggap berani kerana menegur birokrat sastera yang selama ini dianggap sebagai payung dan pelindung sasterawan dan budayawan tempatan.

Saya tidak bermaksud Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak adil apabila membuat bayaran berbeza antara penulis yang bertaraf Sasterawan Negara (SN) berbanding sasterawan biasa, apatah lagi penulis kerdil macam saya.

Tetapi sebagai mana kata Rahman, sasterawan yang membuat persediaan untuk sesuatu acara sastera atau dijemput membenteng kertas kerja, perlu diberi bayaran setimpal.

DBP sebagai birokrat sastera - meminjam istilah Datuk A Samad Said - harus peka mengenai keperluan kegiatan sastera, yang sewajarnya ditunjangi oleh persediaan yang rapi dan tekun.

Memang saya akui, ada sasterawan yang kurang persediaan, malahan ketika dijemput baca puisi pun, masih terbelek-belek antologi, kerana tidak pasti sajak mana yang sesuai dibaca.

Penulis sedemikian dianggap Rahman, kurang persediaan dan bagi saya, sewajarnya tidak dibenarkan baca puisi di khalayak ramai pada masa akan datang.

Pun begitu, ramai juga yang komited dengan acara baca puisi dan pembentangan kertas kerja. Selain penulis ternama, karyawan generasi baru seperti Marsli NO cukup menarik diperhatikan gayanya. Begitu juga Wanrazuhar dan Ahmad Nor Sulaiman yang pernah menjadi juara deklamator peringkat kebangsaan.

Mereka ini menepati istilah Rahman, iaitu persediaan yang cukup sebelum baca puisi. Sewajarnya mereka diberi layanan, dalam konteks ini kemudahan dan bayaran yang setimpal dengan persediaannya.

Ada waktunya, dalam hidup ini kita memerlukan hitam putih. Kita memerlukan garis panduan. Selagi tidak diiktiraf secara hitam putih, sasterawan kita dipandang sambil lewa.

Baca puisi memerlukan seni yang tersendiri. Sudah beberapa kali WS Rendra dipanggil ke Kuala Lumpur atas tajaan DBP. Tentunya bayarannya lebih mahal daripada Sasterawan Negara kerana Rendra sudah diiktiraf secara hitam putih. Apakah Rendra lebih baik daripada Khalid Salleh, Puzi Hadi dan Marzuki Ali?

Persoalan ini amat menarik dikaji. Tetapi rasanya tidak salah kalau saya katakan, Rendra klise dengan zaman yang ditinggalkan. Apakah DBP juga klise dengan tanggapan dan pemikirannya?

Saya sendiri pernah dijemput baca puisi terjemahan di Pengucapan Puisi Kuala Lumpur 1988, di Auditorium Dewan Bandaraya (DBKL) Kuala Lumpur. Ini majlis dunia - majlis besar yang dihadiri penyair dunia.

Tetamu kehormat malam itu termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai persediaan untuk acara dunia, saya diminta membuat persiapan rapi. Saya menjalani latihan baca puisi di Sudut Penulis DBP di bawah asuhan A Ghafar Ibrahim dan Allahyarham Abdul Aziz HM.

Berminggu-minggu saya berlatih hingga tahu mengawal pernafasan dan olahan suara. A Ghafar berkali-kali berpesan: "Ingat, meskipun anda berjalan dengan tongkat, anda mempunyai kekuatan tersendiri. Anda ada seni

tersendiri." Saya angguk. Saya yakin boleh baca puisi dengan baik.

Ketika membaca puisi di pentas, saya yakin tumpuan penonton terhadap saya berbeza dengan penyair lain. Mungkin kerana kelainan fizikal saya. Tanggapan saya tidak salah. Latihan berminggu-minggu membuahkan hasil yang membanggakan.

Di belakang pentas, ada juga penonton yang datang memberi tahniah. Ada juga yang minta tanda tangan dan alamat saya.

Pun begitu, saya tertanya-tanya apakah tugas dan persediaan yang saya lakukan untuk menjayakan majlis bertaraf dunia hanya berganjarkan terima kasih semata?

Pengalaman saya ini barangkali bukan milik peribadi. Ada juga penulis lain yang dijemput ke sesuatu majlis lalu diucapkan terima kasih sahaja. Ada yang berjanji untuk memberi bayaran RM200 tetapi yang ada hanya cenderamata.

Mungkin ini yang menyebabkan Zaen Kasturi terpaksa 'mengamuk' di sebuah pusat pengajian tinggi dahulu. A Samad Said mogok seni pun barangkali ada kaitan dengan kerenah sedemikian.

Ada ketikanya, saya terfikir lebih baik kita jadi George Soros mini. Kita manipulasi ringgit secara kecilan, sesuai dengan kemampuan kewangan peribadi.

Hari ini kita beli 10,000 dolar Amerika, esok apabila ringgit turun, kita jual. Kita dapat keuntungan segera tanpa persediaan rapi seperti menghadiri majlis sastera. Untung pun banyak!

Saya sokong tulisan Rahman mengenai penubuhan Kelab Kegiatan Berkhlayak (KKbK). Saya yakin KKbK boleh memantapkan hal ehwal layanan terhadap penggiat seni dan intelektual.

(END)